

Tajuk

Encik Ismail dan Puan Hazirah telah berkahwin. Sekiranya mereka dikurniakan anak, senaraikan ciri-ciri yang diwarisi oleh anak mereka.

Objektif

- i Menyenaraikan ciri-ciri yang diwarisi oleh keluarga (warna kulit, warna rambut, warna mata, bentuk muka, bentuk hidung, jenis rambut dan lain-lain)

Bahan

- Kertas mahjong
- Pen marker (pelbagai warna)

Arahan

- 1 Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan (4-5 orang satu kumpulan).
- 2 Guru mengedarkan bahan seperti kertas mahjong dan pen marker kepada setiap kumpulan.
- 3 Guru menunjukkan contoh Peta Buih di papan putih
- 4 Guru memberi arahan kepada murid untuk menyenaraikan ciri-ciri yang mungkin diwarisi oleh anak daripada ibu bapa.
- 5 Murid berbincang bersama rakan kumpulan tentang ciri-ciri fizikal yang boleh diwarisi.
- 6 Murid menulis jawapan di dalam buih-buih sekeliling.
- 7 Murid membentangkan hasil kerja di hadapan kelas.

